

**SISTEM POLITIK YANG HEGEMONIK :
POLITIK PERWAKILAN MASYARAKAT INDIA
DI MALAYSIA**

P. RAMASAMY

PENGENALAN

Pengaturan perwakilan politik rasmi dalam gabungan mentadbir BN (Barisan Nasional) adalah berasaskan perkauman. Prinsip sedemikian bukanlah sesuatu yang unik kepada Malaysia di mana banyak masyarakat yang mengamalkan kaedah sebegini. Namun begitu, bukan semua masyarakat yang membezakan secara perkauman menerima perkauman sebagai prinsip panduan untuk pemerintahan politik. Kertas kerja ini menunjukkan perwakilan politik berasaskan perkauman tidaklah kurang kebaikannya, malahan rumusan ini berkesan untuk mengemukakan kerisauan berkenaan budaya dan politik bagi pelbagai kumpulan etnik di banyak negara. Akan tetapi, perkauman menjadi hilang nilai kepentingan politiknya sekiranya kumpulan-kumpulan etnik dalam sesebuah negara tidak menikmati hak dan peluang yang saksama. Secara khususnya akan ditunjukkan kaum India sebagai salah satu kaum yang penting di Malaysia, tidak kelihatan mendapat sebarang manfaat daripada perwakilan etnik dalam BN. Ini akan dibincangkan kelemahan perwakilan kaum India kini berkaitan dengan cara politik yang diaturkan oleh BN di bawah dominasi UMNO (United Malay National Organization). Peranan ketuanan UMNO dalam menjuarai bidang politik, ekonomi dan kebudayaan Melayu telah mengecualikan kaum bukan Melayu seperti kaum India daripada penyertaan politik secara berkesan.

Kecenderungan untuk menerangkan hubungan antara etnik bagi UMNO dan ahli-ahli bukan Melayu dalam BN sebagai permuafakatan tidak dapat lagi dikekalkan. Konsep permuafakatan yang dikemukakan oleh Arend Lijphart (1968) menggambarkan suatu situasi di mana parti-parti politik etnik dalam sesuatu pakatan menikmati kuasa setara berasaskan tawar-menawar dan kompromasi, saling menghormati, autonomi budaya yang cukup tinggi dan kebolehan untuk menveto sesama demi persetujuan sebulat suara. Walaupun gabungan etnik Pakatan yang ditubuhkan antara

tahun 1957 dan 1969 mempunyai ciri-ciri permuafakatan yang penting, gabungan besar BN masa kini kelihatan berada bawah kawalan dominasi UMNO. Dalam negara-negara yang terdiri daripada pelbagai etnik di mana satu parti etnik yang dominan menguasai parti politik yang lain telah dihuraikan oleh Ian Lustick (1979) sebagai model kawalan politik.¹ Oleh yang demikian, hubungan di antara pelbagai parti komponen dalam BN di bawah dominasi UMNO adalah mirip dengan model kawalan politik seperti yang dicadangkan oleh Lustick.²

Hegemoni politik etnik UMNO membentuk halangan utama untuk penyertaan kumpulan etnik yang kecil secara demokrasi sungguhpun ia bukan sesuatu yang eksklusif. Seperti yang akan dibincangkan untuk kes kaum India, gaya MIC (Malaysian Indian Congress) dan sifat perwakilan juga membolehkan keadaan tersebut berlaku. Kepimpinan penguasaan parti tersebut, kekurangan komitmen untuk meningkatkan kepentingan komuniti itu, kebergantungan pada pemimpin-pemimpin UMNO dan kekurangan penyertaan secara demokrasi telah mengurangkan peranan parti itu sebagai jentera berkesan bagi perkembangan dan kemajuan kaum India. Padahal parti itu masih mempunyai sokongan daripada komuniti itu disebabkan oleh sifat semula jadi cabang-bahagian masyarakat sivil dalam komuniti India. Cabang-bahagian ini telah mengekalkan parti-parti konservatif dan sokongan seperti MIC dan IPF (Indian Progressive Front, Barisan Gerakan India) dengan pembentukan norma, nilai-nilai dan idea-idea mengenai kepentingan demi komuniti tersebut. MIC merupakan satu-satunya laluan perwakilan India dalam gabungan mentadbir BN atau kerajaan. Akan tetapi, suara alternatif/balas-hemegonik mengenai perwakilan masyarakat wujud terutamanya di kalangan pihak pembangkang pentadbiran hegemonik. Suara alternatif/balas-hemegonik ini mungkin kurang daya tarikan dari segi pemerolehan kuasa politik. Namun ia sudah tentunya memberi suatu penilaian kritis mengenai bentuk perwakilan berdasarkan etnik kini yang didapati dalam gabungan mentadbir BN. Suara alternatif mengenai perwakilan melewati batasan perkauman. Ia menumpu kepada segmen sosial masyarakat Malaysia yang telah diabaikan atau dipinggirkan oleh strategi-strategi pembangunan aliran utama. NGO tidak berminat untuk mendapatkan perwakilan rasmi seperti parti-parti politik sedangkan usaha mereka lebih kepada menyerlahkan masalah-masalah yang dihadapi oleh kumpulan-kumpulan dan golongan-golongan yang menerima kesan negatif hasil daripada dasar-dasar pembangunan. Parti-parti pembangkang cuba untuk memberi bentuk perwakilan alternatif yang agak berlainan dengan yang ditawarkan oleh gabungan mentadbir kini. Jenis perwakilan politik yang ditawarkan oleh sebahagian parti pembangkang adalah tidak berasaskan etnik berdasarkan pertimbangan

faktor masyarakat majmuk yang tertentu.

PROFIL SOSIO-EKONOMI

Konsep kaum India yang difahami di Malaysia itu kerap digunakan terutamanya untuk menerangkan rakyat Malaysia keturunan India yang berhijrah ke negara ini ketika penjajahan British pada akhir abad ke-18 dan awal abad ke-20 (Sandhu, 1969; Arasaratnam, 1979; Rajeswary, 1981).³ Walaupun orang India pada awalnya datang bekerja di sektor peladangan dan sektor bandar, namun sebahagian India yang kebanyakannya bukan Tamil datang bekerja sebagai kerani dan penyelia dalam pertubuhan penjajah. Konsep kaum India itu mungkin digunakan dalam erti kata perundangan/juridikal atau dalam erti kata harian/kebudayaan/emosi sebenar. Akan tetapi kaum India Malaysia lebih suka dikenali sebagai Tamil (dari Tamilnadu), Sikhs (Punjab), Malayalees (Kerala), Telugus (Andra Pradesh) dan kategori-kategori kecil lain dalam kumpulan sub-komunal.⁴ Dalam masyarakat India yang lebih besar itu, orang Tamil yang berhijrah dari bahagian selatan Tamilnadu membentuk kumpulan etnik/sub-etnik yang terbesar, kira-kira 85 peratus populasi kaum India yang mencecah 1.6 juta daripada jumlah populasi 23 juta penduduk di Malaysia. Berbeza dengan orang Tamil yang kebanyakannya bekerja sebagai buruh dalam penubuhan British, orang bukan Tamil disebabkan pencapaian pendidikan yang lebih baik ditempatkan dalam kategori menengah sebagai kerani, pentadbir dan penyelia.

Kaum India secara keseluruhannya meliputi kira-kira 9 peratus daripada populasi Malaysia. Kekuatan perangkaan kaum India telah menyusut berbanding dengan kumpulan etnik lain seperti Melayu dan Cina. Wujudnya kebimbangan bahawa kekuatan politik masyarakat India akan terjejas jika populasi kaum India terus menyusut berbanding dengan kumpulan etnik lain. MIC telah diperuntukkan beberapa kerusi parlimen dan Dewan Undangan Negeri bagi pihak masyarakat India. Peruntukan ini tidak banyak bergantung kepada kekuatan pilihan raya tetapi berasaskan proses tawar-menawar dan bertolak ansur yang berfungsi dalam julat had tertentu antara parti komponen dalam Barisan Nasional. Tambahan pula, hubungan persahabatan antara pemimpin-pemimpin MIC dan UMNO beberapa dekad yang lalu telah menjamin MIC akan diperuntukkan bahagian kerusi yang terhad.⁵ Sedangkan bahagian pilihan raya kaum India telah banyak berkurang dari tahun ke setahun, mereka masih mempunyai sejumlah wakil pengundian yang ramai membolehkan mereka menentukan hasil sebenar pilihan raya. Dalam erti kata lain, kaum India masih tidak boleh diketepikan dalam pilihan raya. Mereka boleh

menentukan pemenang sebenar dalam analisis akhir semasa pilihan raya.

Berlainan dengan kaum Cina yang mempunyai kelebihan sejarah dalam pengumpulan modal, kaum India terbatas kepada ekonomi peladangan untuk jangka masa yang lama tidak menikmati perbezaan sosial/kelas yang sama taraf (Ramasamy, 1994; De Silva, 1982). Majoriti masyarakat kaum India masa kini ditempatkan di negeri-negeri pantai barat Semenanjung sebagai buruh dalam peladangan dan kawasan bandar. Akan tetapi, harus dinyatakan bahawa pengupahan kaum India sebagai buruh peladangan kini merosot dengan cepat di mana semakin ramai pekerja mengalir keluar ke kawasan bandar demi mencari peluang pekerjaan yang lebih baik. Beberapa faktor seperti pengkomersialan, penjualan tanah ladang yang meningkat, pengaliran masuk pendatang/buruh asing, pekerjaan peladangan yang kurang menarik atas sebab upah yang rendah dan sebagainya telah melemahkan tarikan sektor ini terhadap buruh tempatan dan buruh kaum India secara khususnya. Meskipun begitu, masih terdapat sebilangan besar buruh peladang kaum India yang bekerja sebagai penoreh getah.

Salah satu aspek yang kurang menarik bagi pekerjaan peladangan adalah kekurangan struktur gaji yang betul (Ramasamy, 1994; Selvakumaran, 1994). Percubaan bagi NUPW (National Union of Plantation Workers) untuk memberi gaji bulanan yang baik untuk penoreh getah masih tidak berjaya sehingga kini. Sedangkan pengenalan gaji bulanan untuk penuai kelapa sawit dan pekerja kilang beberapa tahun yang lepas tidak mendatangkan hasil yang bermakna, maka tiada sebab kukuh untuk mencadangkan bahawa pengenalan skim gaji bulanan akan memberi faedah kepada penoreh getah. Gaji bulanan sebanyak RM 325 pada masa kini adalah tidak benar-benar berguna bagi kedua-dua kategori pekerja itu. Disebabkan pendapatan bulanan purata mereka melebihi jumlah RM 325 yang ditetapkan, gaji bulanan itu tidak harus dilaksanakan. Ia hanya boleh digunakan jika pendapatan bulanan kurang daripada tanda RM 325. Akan tetapi, untuk keadaan ini berlaku, harga komoditi kelapa sawit terpaksa mencecah takat rendah ataupun pekerja-pekerja tidak hadir untuk bekerja (Ramasamy, 2001a). Memandangkan kadar transformasi industri peladangan yang cepat disebabkan pengkomersilan dan pemodenan, tiada sebab untuk percaya bahawa majikan akan terbuka kepada soalan pengenalan gaji tinggi untuk pekerja.

Pemindahan dari kawasan peladangan ke kawasan bandar mungkin meningkatkan pendapatan kewangan kaum India, namun mereka masih tidak dapat mengelakkan diri daripada masalah lain. Penempatan dalam kawasan bandar juga bererti perkara-perkara lain seperti pecahan keluarga bertambah, kehilangan pimpinan masyarakat, ketidakhadiran

kebudayaan/institusi sosial seperti kuil, pusat jemaah masyarakat dan paling penting sekali sekolah vernakular Tamil (Ramasamy, 2002). Tambahan pula, taraf kehidupan yang tinggi, masalah alkoholisme, penagihan dadah dan lain-lain telah menaikkan beban ekonomi dan sosial kaum India bandar di negara ini.

Kebelakangan ini, fenomena penglibatan kaum India dalam aktiviti-aktiviti jenayah telah ditekankan dalam media dan sama ada peruntukan kerajaan untuk MIC menyelesaikan masalah kebangsaan ini masih dinantikan. Tetapi yang ironiknya, meskipun dengan kehebohan mengenai statistik dan angka “masalah” tentang penglibatan India dalam jenayah, ia tidak menggambarkan sebarang tanda kecemasan menyebabkan sesetengah pihak berasa curigai akan suatu motif politik tersembunyi dalam mengheboh-hebohkan isu ini.⁶

Status politik, ekonomi dan sosial kaum India berbanding dengan yang lain merupakan sesuatu yang tidak membanggakan. Sungguhpun 44 tahun selepas kemerdekaan, masyarakat India kini masih banyak ketinggalan di belakang masyarakat-masyarakat etnik yang lain. Walaupun kaum Cina mempunyai suatu kelebihan sejarah dan galakan kerajaan diberi kepada Orang Melayu, sudah tentunya kaum India pernah memberi beberapa sumbangan dalam bidang ekonomi. Adalah sukar untuk mempercayai bahawa sesuatu masyarakat yang menyumbangkan secara gigih kepada perkembangan negara tidak dapat melebihi tanda 1.5 peratus dalam hak milik ekonomi. Bahagian ekonomi kaum India kekal sekitar satu peratus antara tahun 1957 dan 1994. Hanya pada tahun 1995 ekuiti bahagian kaum India telah meningkat sebanyak 0.5 peratus.⁷ Berbeza dengan kaum India, ekuiti Melayu telah dipertingkatkan oleh DEB (Dasar Ekonomi Baru) dan bahagian Cina meningkat hasil daripada kelebihan sejarah dalam pengumpulan modal dan pelaburan. Baru-baru ini kerajaan telah mengumumkan komitmen untuk menaikkan modal bahagian kaum India sebanyak 3 peratus sekitar tahun 2010 dan gerakan ini amat dialu-alukan oleh banyak kumpulan kaum India. Akan tetapi, sama ada kaum India boleh mencapai sasaran ini masih tidak pasti lagi disebabkan majoriti masyarakat kaum India merupakan golongan pekerja yang tiada kelebihan pengumpulan modal dan kepakaran pelaburan.

Adalah hampir tidak mungkin untuk kaum India memperbaiki kelemahan ekonomi mereka tanpa kekuatan politik kerajaan. Malangnya, kaum India tidak mempunyai suara kuat di dalam kerajaan dalam konteks Malaysia. Perwakilan politik yang ditawarkan oleh MIC juga membolehkan keadaan tersebut berlaku. Walau bagaimanapun, MIC tidak bertanggungjawab sepenuhnya atas keadaan politik kaum India yang menyedihkan ini. Sifat dan fungsi politik hegemonik Melayu yang dimainkan

oleh UMNO telah mengekangnya dengan berkesan. Oleh yang demikian, adalah tidak mungkin untuk memahami sepenuhnya sebab kelemahan perwakilan politik kaum India tanpa menimbangkan peranan yang dimainkan oleh UMNO dalam gabungan BN.

POLITIK HEGEMONI MELAYU

MIC tidak beroperasi dalam keadaan vakum di mana perwakilan kaum Indianya dalam konteks yang lebih besar bagi BN adalah didominasi oleh politik UMNO. Adalah sukar untuk memahami peranan MIC dan sifat perwakilannya jika tiada percubaan dibuat untuk menentukan peranan UMNO di dalam BN dalam soal mengutamakan kepentingan Melayu. Seperti yang dinyatakan, hubungan antara UMNO dan parti-parti etnik bukan Melayu seperti MIC dan MCA (Malaysian Chinese Association) telah bertukar ikutan rusuhan kaum pada Mei 1969. Sejurus rusuhan itu dan pembentukan gabungan mentadbir yang lebih besar, hubungan antara parti-parti komponen dalam gabungan BN adalah berasaskan hubungan yang tidak saksama (Crouch, 1994; Jesudason, 1990). UMNO dengan kuasa mandatnya untuk memperbetulkan ketidakadilan Melayu sudah jelasnya muncul sebagai rakan kongsi yang paling berpengaruh berbanding dengan parti-parti politik bukan Melayu seperti MCA dan MIC.⁸ Oleh itu, sifat ketidaksaksamaan hubungan etnik pada peringkat politik yang menimbulkan kesukaran bagi kaum bukan Melayu khususnya kaum India.

Politik hegemoni Melayu pada asasnya melibatkan UMNO memberi keutamaan kepada kepentingan politik, ekonomi dan kebudayaan Melayu. Meskipun hegemoni Melayu diamalkan, ia tidak mengetepikan penyertaan kaum bukan Melayu di mana kepentingan dan perhatian jelasnya disertakan dalam kepentingan Melayu. Dalam peringkat awal dasar pro-Melayu, promosi kepentingan Melayu dipertahankan berasaskan prinsip-prinsip tindakan bersetuju. Akan tetapi, keadaan ini telah berubah mengikut masa. UMNO telah memberanikan diri untuk menegaskan tanggapan ketuanan Melayu sebagai perhatian strategiknya.⁹ Sedangkan dasar pro-Melayu UMNO bertentangan dengan keperluan untuk membentuk dan menampung hubungan antara etnik, namun kebergantungan kepada modal tempatan (modal kaum Cina) dan luar negeri menyebabkan perlunya memastikan dasar satu kaum itu tidak merencatkan perkembangan negara. Oleh yang demikian, dasar UMNO keseluruhannya mempunyai dua penjuru bertentangan: satu menumpu khasnya pada keperluan menguatkan kaum Melayu dan satu lain menumpu pada kewujudan bersama dengan kaum bukan Melayu. Pergabungan kedua-dua penjuru yang walaupun bertentangan sesama pada asasnya,

menandakan sifat kebergantungan pada perkembangan kapitalis dalam negara dan kesedaran bahawa usaha eksklusif mencari kepentingan sesebuah kumpulan akan memudaratkan perkembangan.

Dasar pro-Melayu UMNO mungkin tidak didefinisikan dan dinyatakan dengan jelas dalam gaya yang eksklusif. Ini merupakan sesuatu yang tidak dapat dilakukan oleh UMNO sungguhpun UMNO berhasrat untuk melakukannya. Namun demikian, kekurangan sifat eksklusif tidak bererti UMNO dapat mengamalkan dasar liberal terhadap kaum bukan Melayu dalam negara. Hegemoni Melayu yang diamalkan oleh UMNO memberi beberapa implikasi pada hubungan etnik dalam gabungan itu. Pertamanya, dengan pembentukan gabungan etnik yang lebih besar pada awal 1970an, hubungan antara UMNO dengan bukan Melayu ditakrif semula untuk menyesuaikan UMNO. Hubungan antara ketiga-tiga ahli semasa gabungan Pakatan adalah berdasarkan persetujuan permuafakatan yang memberi kuasa autonomi tertentu bagi semua parti. Akan tetapi, dengan perubahan hubungan politik ikutan daripada rusuhan kaum 1969, hubungan itu bertukar kepada hubungan yang berasaskan ketuanan politik UMNO. Keduanya, perubahan dalam sifat hubungan kuasa antara parti juga bererti parti-parti politik bukan Melayu seperti MCA dan MIC tidak mempunyai tahap pengaruh politik yang sama seperti dahulu. Sehubungan ini, dasar dan strategi yang diputuskan dalam gabungan BN tidak ditentukan pada dasar tolak ansur. Unsur penting bagi amalan permuafakatan ini menjadi tidak berkaitan kepada politik antara etnik dalam BN. UMNO menjadi satu-satunya parti yang menentukan arah tuju utama dasar negara ini. Parti-parti politik bukan Melayu hanya sekadar menyokong keputusan yang dicapai oleh UMNO. Ketiga, bukannya parti-parti politik bukan Melayu langsung tidak mempunyai hak untuk bersuara, biarpun pendapat mereka diutarakan mengenai perkara-perkara tertentu, mereka tidak mempunyai jenis kuasa autonomi bersama yang pernah wujud semasa gabungan Pakatan dahulu. Keempat, sesungguhnya UMNO membenarkan lebih daripada satu parti politik untuk mewakili kaum Cina dan India, ia memastikan bahawa perwakilan Melayu akan kekal monopoli seluruhnya.

Ketika UMNO menjalankan model hegemonik Melayu telah banyak menyumbang dalam melemahkan sifat perwakilan etnik bukan Melayu. Akan tetapi, kesan pada kaum Cina adalah kurang serius berbanding dengan kaum India. Masyarakat Cina atas sebab kekuatan ekonomi dan kekuatan perangkaan dapat mengurangkan kesan buruk perhatian pro-Melayu kerajaan. Tambahan pula, kebergantungan BN pada undian kaum Cina semasa pilihan raya juga menjamin bahawa kepentingan masyarakat itu tidak akan dilupai. Kaum India yang tanpa kekuatan perangkaan, kekurangan sumber ekonomi dan tanpa undian majoriti dalam

pilihan raya tidak dapat mengurangkan kesan dasar pro-Melayu ke atas mereka. Oleh yang demikian, parti-parti politik yang lebih kecil seperti MIC tidak dapat memberi perwakilan berkesan kepada masyarakat kaum India memandangkan betapa pentingnya pergantungan kepada hegemoni Melayu dalam BN. Lebih-lebih lagi dengan kekurangan demokrasi, pimpinan autoritarian, dan kebergantungan parti tersebut pada UMNO telah mengurangkan kebolehan untuk menyuarakan kepentingan dan perhatian masyarakat tersebut dalam cara yang terus terang dan berani.

Oleh kerana tiada perwakilan lain untuk Melayu dalam BN, UMNO mempunyai monopoli tunggal ke atas hegemoni Melayu atau ketuanan Melayu. Akan tetapi, UMNO tidak boleh dianggap sebagai perwakilan tunggal masyarakat Melayu dalam aspek masyarakat yang lebih besar. Sehubungan ini, konsep hegemoni Melayu atau ketuanan Melayu bukannya sesuatu yang mutlak. Perwakilan daripada PAS (Parti Islam seMalaysia) dan Parti Keadilan (Justice Party) kepada kaum Melayu masing-masing berasaskan ideologi Islam dan politik pelbagai kaum menunjukkan had hegemoni Melayu. Namun demikian, idea hegemoni Melayu tidak boleh diketepikan dengan mudah sahaja. Selagi terdapat jurang perbezaan ekonomi dan sosial antara kumpulan etnik di mana kaum Melayu berasa mereka berhak mendapatkan status khas, maka politik akan dikelola berasaskan kumpulan etnik dan paling pentingnya perwakilan kerajaan diperolehi berdasarkan etnik, konsep hegemoni Melayu akan menjadi senjata politik yang kuat bagi UMNO. Ideologi Islam PAS mempunyai kuasa politik untuk melemahkan nasionalisme Melayu UMNO. Akan tetapi peristiwa 11 September telah merumitkan keadaan untuk parti tersebut.

POLITIK PERWAKILAN KAUM INDIA

Apabila seseorang bercakap tentang perwakilan formal/rasmi/kerajaan kaum India, rujukan terutamanya dibuat kepada peranan dan fungsi MIC dalam menyuarakan dan melindungi kepentingan masyarakat untuk kemajuan mereka. MIC dibentuk pada 1946 selepas Kongres Parti India demi membekalkan perwakilan untuk kaum India di Malaysia. Perwakilan formal/rasmi adalah tidak terhad kepada peranan MIC. Parti-parti politik seperti IPF (*Indian Progressive Front*, Barisan Gerakan India) dan dalam tahap tertentu PPP (*Peoples Progressive Party*, Parti Gerakan Rakyat) mempunyai kesan pada perwakilan walaupun adalah tidak mungkin bagi mereka untuk menyelubungi MIC. Sungguhpun IPF bukan sebahagian daripada BN secara rasmi, ia masih beroperasi dalam kerangka gabungan mentadbir. Semua parti politik ini cuba untuk memberi perwakilan rasmi bagi kaum India secara langsung atau tidak langsung

dalam gabungan mentadbir BN kini.

Sejak kemerdekaan politik, satu-satunya parti yang secara rasmi mewakili kaum India adalah MIC. Parti ini mempunyai satu jawatan kementerian (membenarkan kehadiran kabinet) yang kini dipegang oleh presidennya Dato' Seri S. Samy Vellu. MIC pernah memiliki dua jawatan kementerian tetapi untuk sebab tertentu ia telah kehilangan satu. Bagi sesetengah pihak, kehilangan ini telah dipampas dalam bentuk dua jawatan timbalan menteri pada hari ini. Sudah menjadi satu amalan biasa bagi BN memperuntukkan beberapa kerusi parlimen dan Dewan Undangan Negeri semasa pilihan raya umum selaras dengan tradisi dahulu. MIC mempunyai sekitar enam ahli parlimen, beberapa ahli Dewan Undangan Negeri dan segolongan memegang jawatan eksekutif negeri. Memandangkan tiada pilihan raya untuk majlis tempatan, ahli-ahli MIC juga dilantik dalam beberapa majlis bandar, majlis bandaraya, majlis daerah dalam negara.¹⁰ Sudah pastinya dari masa ke semasa kerajaan BN mempunyai kecenderungan untuk memberi faedah istimewa kepada parti-parti komponennya termasuk MIC untuk sebab kesetiaan dan sebagainya (Ramasamy, 2001b).

Kehilangan jawatan kementerian untuk parti MIC telah ditafsir sebagai suatu kehilangan besar bagi masyarakat kaum India. Ini sudah tentu telah merampas perwakilan masyarakat dalam kabinet. Beberapa bahagian dalam masyarakat kaum India tidak berpuas hati bahawa pemimpin MIC kini tidak melakukan apa-apa yang konkrit untuk membangkitkan perkara ini dengan kerajaan atau UMNO. Terdapat juga perasaan kuat bahawa kepimpinan MIC dan khasnya presiden kini tidak mempunyai niat sebenar untuk membangkitkan perkara ini kerana beliau bercadang untuk menjadi menteri tunggal dalam kabinet yang mewakili masyarakat kaum India. Apa-apa sahaja sebabnya, kehilangan satu jawatan menteri telah melemahkan daya tawar-menawar masyarakat kaum India. Sama ada kepimpinan MIC kini membawa perkara ini kepada kerajaan atau ke tahap manakah perkara ini diusahakan pada peringkat tinggi masih kekal tidak jelas. Kehilangan jawatan seorang menteri untuk sebarang sebab juga menunjukkan kredibiliti parti itu dalam mata parti-parti dalam gabungan mentadbir telah berkurang dalam dua dekad yang lalu. Persoalan adalah tidak banyak mengenai mendapatkan balik jawatan yang hilang, tetapi mengenai sama ada parti itu boleh mengekalkan dengan baik jawatan-jawatan yang diperuntukkan kini oleh gabungan mentadbir. Peringatan malar Perdana Menteri bahawa parti itu tidak mempunyai undian majoriti dalam mana-mana pilihan raya hanya membawa erti bahawa parti itu adalah lemah dari segi politik.

Dengan pembentukan institusi tersebut, apakah sifat perwakilan

kaum India MIC? Secara idealnya, dalam sistem di mana parti politik sepatutnya mengawal dan menguruskan pemerintahan, bentuk tertinggi perwakilan harus mengambil tempat pada tahap parti politik gabungan etnik BN dalam kes Malaysia. Sekian lamanya sejak kemerdekaan dan sejak kuasa pemerintahan tidak bertukar tangan dan kekurangan ketelusan dalam tindakan gabungan mentadbir mahupun kerajaan, adalah menjadi sukar untuk menentukan sifat sebenar proses membuat keputusan. Keputusan terpenting yang mempengaruhi seluruh bangsa kelihatannya dibuat dalam kabinet dengan penyertaan pemimpin-pemimpin parti komponen yang memegang pangkat menteri. Ini tidak bererti bahawa kerajaan telah menggantikan gabungan BN, tetapi tempoh panjang pembentukan institusi, pimpinan yang tidak berubah, kekurangan proses demokrasi, kemudahan membuat keputusan secara relatif pada tahap kabinet, peranan khas UMNO dan Perdana Menteri dan lain-lain sudah pastinya menyelewengkan penentuan keputusan dalam negara.

Sistem gabungan BN adalah aktif dalam penggal rasminya. Sungguhpun mesyuarat gabungan mentadbir tidak diadakan kerap, parti-parti sesuatu kawasan pilihan raya mempunyai mesyuarat tahunan, pertimbangan dan perbincangan yang teliti dan cadangan mereka. MIC mengadakan perhimpunan tahunan, pilihan raya pengurus pejabat (*office bearers*) dan lain-lain. Badan yang membuat keputusan yang berkaitan bukannya perhimpunan tahunan yang ritual, tetapi merupakan jawatankuasa kerja yang diketuai oleh presidennya. Perbincangan akan diadakan dalam jawatankuasa ini mengenai aktiviti-aktiviti parti itu, isu-isu yang menjejaskan kaum India, apa yang harus dilakukan dan sebagainya. Jawatankuasa ini juga memberi peluang untuk presiden mendengar pandangan-pandangan ahli dan cadangan mereka dari aspek yang berlainan mengenai masyarakat kaum India. Sejauh manakah keberkesanan jawatankuasa ini dalam memperihalkan prihatin mereka adalah kurang pasti. Tetapi adalah sesuatu pengetahuan umum bahawa sudah menjadi kritik berat untuk mematuhi perintah kumpulan presiden secara mekanikal. Hanya terdapat sedikit perbincangan kritis mengenai isu-isu dan ahli-ahli biasanya berasa malu dan mengelakkan daripada menyoalkan presiden walaupun suatu soalan yang mudah.¹¹

Parti ini mempunyai struktur politik dan struktur membuat keputusan pada tahap-tahap negeri, bahagian dan cawangan. Struktur politik dan pentadbiran parti adalah penting untuk operasi organisasi atau struktur parti, menyenaraikan ahli-ahli anggota, mengumpul yuran dan lain-lain. Akan tetapi di sebalik fungsi-fungsi biasa ini, struktur-struktur ini adalah tidak penting dalam penyertaan membuat keputusan. Sifat elitis struktur parti, kuasa presiden parti yang terlalu besar, sifat penentuan keputusan

parti itu, kekurangan pembangkang yang berdaya dan lain-lain mengakibatkan parti itu menjadi kurang responsif terhadap idea-idea dan cadangan-cadangan yang datang daripada kalangan ahli biasa.¹² Dalam konteks ini, yang dikatakan struktur politik yang terbeza, tanggapan penyertaan politik, penghasilan jawatan-jawatan parti, pilihan raya berkala dan ciri-ciri lain adalah semata-mata lambang yang tidak bukan tidak untuk menyokong idea kewujudan parti itu dan parti itu cuba melakukan sesuatu untuk masyarakat kaum India.

Jika kepercayaan tidak dapat diberi pada struktur penentuan keputusan dalam parti itu, bagaimanakah parti itu dapat berbakti kepada masyarakat? Meskipun parti itu mungkin tidak melakukan sesuatu yang utama untuk kaum India selama empat dekad yang lalu, terdapat sumbangan-sumbangan kecil dari masa ke semasa. Umumnya MIC dan khasnya presidennya memegang kuat kepercayaan bahawa masyarakat kaum India hanya akan maju jika parti itu memperolehi sokongan daripada pemimpin-pemimpin tinggi UMNO dalam negara. Tidak seperti kebanyakan negara di mana parti-parti etnik/perkauman mengelolakan sokongan kumpulan masing-masing untuk memberi tekanan kepada kerajaan. Amalan ini tidak diikuti setidak-tidaknya dalam gabungan pemerintahan. Metodologi asas perwakilan MIC ialah penjalinan persahabatan peribadi dengan pemimpin-pemimpin UMNO pada peringkat kebangsaan dan negeri agar konsesi kecil dapat dicapai untuk masyarakat kaum India. Beberapa perkembangan dalam negara beberapa dekad yang lalu telah membolehkan penerimaan perspektif ini. Kawalan pemerintahan oleh gabungan mentadbir etnik yang tidak terganggu, perubahan kecil kepada komposisi kepimpinan parti-parti komponen, kemunculan UMNO sebagai kuasa hegemoni dalam gabungan mentadbir, kebergantungan parti-parti komponen pada pemimpin-pemimpin UMNO untuk sokongan, kekurangan bahagian dalam UMNO dan yang lain telah menyumbang kepada suatu keadaan di mana jalinan peribadi, perbincangan tertutup, dan mendapat sokongan peribadi telah menjadi faktor utama dalam penentuan proses membuat keputusan negara (Ramasamy, 2001b).

Pemimpin-pemimpin MIC tidak menyembunyikan kenyataan kebergantungan mereka pada UMNO merupakan sesuatu yang diketahui ramai. Presiden MIC, Dato' Seri S. Samy Vellu sendiri telah mengatakan hubungan rapat beliau dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammed, demi membolehkan perkara dilakukan untuk kaum India. Adalah tidak mungkin untuk MIC membekalkan perwakilan untuk masyarakat India tanpa kerjasama dan sokongan Perdana Menteri. Pengaruh Perdana Menteri bukan setakat ini sahaja bahkan jauh sehinggakan beliau mempunyai suara utama dalam hal ehwal dalaman

parti itu. Percubaan Samy Vellu sebelum ini untuk menahan timbalannya memegang jawatan kedua dalam parti dapat dicegah pada masanya dengan campur tangan Perdana Menteri. Misalnya, Dato S. Subramaniam mungkin menjadi timbalan presiden MIC dan timbalan menteri dalam kerajaan, tetapi setiap orang tahu sebab sebenar kewujudannya kini. Maka terdapat kecenderungan pada bahagian kepimpinan untuk pergantungan yang lampau dalam MIC baikpun parti-parti komponen lain.¹³

Bentuk kesetiaan peribadi kepada UMNO ataupun Perdana Menteri yang amat sangat ini menjadi amat berguna kepada pemimpin-pemimpin baik UMNO mahupun bukan UMNO demi sebab keselamatan. Memandangkan tahap amalan rasuah yang tinggi dan pelbagai bentuk penyelewengan dalam negara, kebarangkalian penglibatan menteri-menteri adalah tinggi secara langsung dan tidak langsung. Tambahan pula, ancaman politik daripada kekuatan dalam parti-parti komponen mengugut pemimpin yang sedia ada tidak bermaksud untuk menambahkan pesaingan atau konflik politik, tetapi pergantungan selanjutnya pada pemimpin-pemimpin atasan demi kewujudan mereka yang seterusnya. Adalah diketahui umum dalam negara bahawa Perdana Menteri mengganjarkan mereka yang menunjukkan kesetiaan yang kuat. Dengan kelebihan kuasa beliau sebagai Perdana Menteri, Mahathir Mohammed boleh mencegah polis dan bentuk penyiasatan yang lain ke atas kesalahan menteri-menteri dan pegawai-pegawai kerajaan. Terdapat kes-kes di mana Perdana Menteri telah menunjukkan ketidakpuasan mengenai agensi-agensi yang cuba menyiasat menteri-menteri dan pegawai-pegawai kerajaan untuk amalan rasuah dan bentuk penyelewengan lain yang dilaporkan.

Menjalin dan mengekalkan hubungan rapat dengan pemimpin-pemimpin UMNO pada tahap kerajaan, daerah dan kawasan tempatan telah menjadi norma bagi pemimpin eselon kedua dan ketiga MIC. Ini bukannya kerana mereka boleh buat banyak, tetapi kekurangan sokongan politik kuat yang sah daripada masyarakat kaum India, pemimpin-pemimpin ini yang menjadi betul-betul terhutang budi kepada pemimpin negara sukar mempunyai pilihan tersendiri yang bebas untuk merancang strategi alternatif bagi mengemukakan kepentingan masyarakat kaum India. Dengan mengetahui dengan baiknya erti sebenar penyimpangan sedikit daripada norma, pemimpin-pemimpin ini tanpa yang lain telah memilih metodologi dominan untuk “menjuarai” masyarakat kaum India. Proses sebenar adalah sama pada peringkat kebangsaan. Ketua parti pada peringkat negeri, daerah dan cawangan cuba sedaya upaya untuk menjalin hubungan yang baik dengan pemimpin UMNO untuk membolehkan kerja dilakukan. Butiran terperinci aktiviti-aktiviti pemimpin-pemimpin parti ini pada peringkat-peringkat ini adalah sukar untuk dikumpul,

tetapi memandangkan keadaan masyarakat kaum India, kita hanya boleh membuat anggapan bahawa apa-apapun usaha mereka tidak memberi hasil yang dijangkakan. Namun begitu, pelagakan yang kerap dalam parti bahawa banyak yang telah dilakukan kelihatan sebagai cubaan sia-sia untuk mendapatkan kebenaran daripada seluruh masyarakat kaum India untuk perbuatan-perbuatan mereka.¹⁴

Rumusan hubungan peribadi untuk perwakilan masyarakat ini kelihatan menunjukkan antara yang lain bahawa terdapat percabangan antara pemimpin dan ahli-ahli biasa. Jurang inilah yang kian bertambah selama ini telah mencegah parti/kepimpinan daripada menerima masalah yang dikemukakan daripada ahli-ahli biasa. Dengan kata lain, apa yang dianggapkan sebagai masalah oleh pemimpin tidak semestinya selaras dengan harapan atau kepentingan kumpulan itu. Percubaan kerajaan baru-baru ini untuk membina Sekolah Wawasan, sejenis struktur sekolah tersepadu merangkumi sekolah-sekolah kebangsaan, Cina dan Tamil pada peringkat sekolah rendah telah menimbulkan perhatian dan rasa bimbang bukan sahaja di kalangan kaum India, bahkan juga di kalangan kaum Cina. Tetapi dalam kes kaum India, Samy Vellu dengan gaya sifatnya telah bersetuju secara terbuka dengan kerajaan mengenai implikasi itu tanpa mendapatkan maklum balas daripada masyarakat kaum India.

Terdapat peristiwa lain yang baru-baru berlaku yang jelasnya menggambarkan pergantungan MIC pada UMNO. MIC dan khasnya presidennya merupakan satu-satunya parti politik yang menyokong niat kerajaan¹⁵ untuk memperkenalkan pengajaran bahasa Inggeris dalam sekolah-sekolah kebangsaan dan vernakular. Walaupun MIC mengajak ahli-ahli Persatuan Guru dan Ibu Bapa untuk membincang cadangan itu, tetapi tiada sebarang perbincangan dijalankan pada keadaan sebenar. Telah diumumkan oleh Samy Vellu semasa mesyuarat itu bahawa MIC akan menyokong cadangan kerajaan sebagaimana ini akan mendatangkan kesan baik dalam pemeliharaan sekolah-sekolah Tamil pada masa akan datang. Perkara ini telah diberitahu kepada para hadirin dan mereka disuruh untuk menyokong pendirian beliau. Akan tetapi sokongan yang ditunjukkan oleh MIC tidak mendorong kerajaan untuk melancarkan sistem pendidikan baru itu. Memandangkan darjah penentangan daripada kaum Cina dan juga sebahagian masyarakat Melayu, kerajaan terpaksa menundakan pelaksanaan projek bahasa itu. Sehingga kini, adalah tidak jelas sama ada kerajaan akan meneruskan sistem baru ini. Parti komponen politik yang lain dalam gabungan mentadbir yang memberi tekanan memaksa kerajaan untuk menimbang semula rancangan barunya. Sehubungan itu, MIC tidak memainkan peranan dalam menasihati kerajaan mengenai rancangan yang kurang sesuai itu. Masyarakat kaum India yang menyokong kuat sekolah

Tamil berasa lega dengan keputusan kerajaan untuk menundakan rancangan itu tetapi tidak berpuas hati yang MIC yang gagal membekalkan perwakilan yang diperlukan pada masa yang penting itu.

Kepercayaan pada rumusan hubungan ini menjadi contoh yang buruk bagi amalan demokrasi, perundingan dan kebertanggungjawaban pada bahagian kerajaan dan juga komponen kaum India, MIC. Kita telah menyaksikan secara umum bahawa struktur, saluran-saluran dan tatacara-tatacara demokrasi telah merana daripada adegan politik Malaysia sedikit demi sedikit dalam masa empat dekad yang lalu. Hasil langsung daripada proses ini adalah kemunculan amalan, kebiasaan, tabiat dan gaya yang pada asasnya menuju ke arah memelihara dan mengekalkan politik yang bersifat autoritarian yang tinggi. Lebih penting lagi, premium yang diletakkan pada perolehan kepentingan kebendaan telah mengakibatkan pencairan tujuan dan matlamat parti-parti politik. Minat kuat dan berazam dalam mencari perolehan kebendaan bukan sahaja dalam MIC tetapi juga dalam parti-parti komponen telah mengubah kontur amalan politik di Malaysia.¹⁶ Perolehan keanggotaan dalam parti pemerintahan pada hari ini kelihatan hanya dirangsangkan oleh keinginan memperkayakan diri dan keluarganya dalam jangkamasa yang pendek.

Selain masalah struktur yang diwarisi berhubungan dengan keanggotaan MIC dalam BN dan ketidakupayaan secara umumnya untuk memberi perwakilan yang berkesan, inersia MIC kelihatannya terletak pada kepimpinan autoritarian. Parti itu telah kehilangan sikap demokrasi yang pernah dimiliki pada suatu masa lalu di bawah kepimpinan kini. Sedangkan perbandingan keadaan kini dengan masa lalu adalah tidak mudah, namun harus diingatkan bahawa parti itu menderita daripada kekurangan kepimpinan berkumpulan pada semua peringkat. Presiden mungkin kelihatan macam gegak-gempita dan popular pada permukaan, tetapi pada sudut pandangan yang lebih realistik, beliau telah menjadikan keseluruhan parti itu pelagakan tunggal (*one man show*). Tiada pemimpin bahkan lawan dahulu yang mempunyai keberanian untuk mencabar kepimpinan yang tidak demokrasi itu. Sifat memuji dan mengampu telah menembusi semua peringkat dalam parti itu di mana keadaan kini adalah semata-mata menyenangkan hati dan melakarkan pemimpin besar itu. Sama ada dalam perhimpunan am parti atau mesyuarat jawatankuasa kerja atau majlis-majlis lain, kehadiran presiden secara automatiknya melembapkan komen dan kenyataan kritis. Memang tiada penentangan terhadap beliau dan tidak memberi sebarang kesan kuat pada jawatan presidennya walaupun penentangan wujud.¹⁷

Pada peringkat yang tidak formal, proses yang mempermudah fungsi perwakilan rasmi adalah kumpulan-kumpulan sosial, kebudayaan

dan agama yang banyak. Sedangkan pemimpin-pemimpin parti mungkin tidak mengetahui setiap isu yang menjejaskan masyarakat kaum India, terdapat kecenderungan pada bahagian kepimpinan untuk mendapatkan maklum balas daripada organisasi-organisasi masyarakat mengenai keadaan-keadaan yang terjadi. Sungguhpun MIC mempunyai hubungan berterusan dengan kumpulan-kumpulan ini, namun boleh diakui bahawa hubungan ini bukan suatu hubungan yang dinamik. Disebabkan pergantungan pemimpin-pemimpin ini pada bantuan MIC. Kerap kali perkara yang dirujuk kepada parti itu untuk selanjutnya jarang mendapat perhatian yang diperlukan. Misalnya, perhatian yang dibangkitkan mengenai sekolah, kuil, perkuburan Tamil dan sebagainya jarang menerima perhatian wajar daripada pemimpin-pemimpin parti ataupun mereka membawa isu-isu ini kepada perhatian kerajaan. Sesungguhnya kumpulan-kumpulan sosial dan kebudayaan membentuk suatu segmen penting bagi masyarakat kaum India, orientasi yang konservatif, pergantungan pada bantuan kepimpinan MIC, sibuk dengan pergelutan kepimpinan, kekurangan keberanian dan kejujuran mencegah mereka daripada mengemukakan kebimbangan dan aspirasi masyarakat kaum India.¹⁸

Bukannya kaum India tidak memperolehi kebaikan langsung daripada neksus rapat yang terjalin antara MIC dan UMNO sekian lama. Malangnya, yang mendapat keuntungan sebenarnya adalah mereka yang berada dalam MIC dan keluarga mereka, dan bukan golongan kaum India biasa. Sebagai suatu parti komponen dalam gabungan etnik yang mengawal pemerintahan, ia diberikan kebaikan dari segi kedudukan politik dan pentadbiran. Jawatan-jawatan menteri, timbalan menteri, Jawatankuasa Undangan Negeri dan lain-lain telah membolehkan individu-individu tertentu memperolehi kekayaan kebendaan yang baik dan bentuk faedah istimewa lain yang sepadan dengan kedudukannya. Lebih-lebih lagi individu-individu ini dengan adanya hubungan rapat dengan kerajaan telah ditempatkan dengan baik untuk mengambil peluang-peluang perniagaan dan peluang lain berbanding dengan kaum India biasa. Memang diketahui bahawa sungguhpun kuota kecil peluang perniagaan yang diperuntukkan untuk kaum India, ia telah dirampas oleh mereka dalam parti dan organisasi-organisasi yang tertentu.¹⁹

Meskipun dengan kekurangan dan kelemahan dalam gabungan etnik, MIC tidak boleh diketepikan kelak. Ia masih mempunyai daya tarikan untuk segmen-segmen populasi kaum India tertentu. Tanggapan dalam beberapa suku bahawa parti itu boleh melakukan sesuatu, hubungan rapat yang nyata kepada mereka yang memegang kuasa politik sebenar, kesahan institusi dan kekurangan serius alternatif politik memberikan parti itu dengan fungsi yang terhad. Lebih pentingnya harus diingat bahawa MIC bukan

semata-mata parti kaum India seperti namanya. MIC merupakan parti kaum Tamil yang cuba memberi perwakilan kepada segmen majoriti populasi kaum India, kaum Tamil. Semua pemimpin-pemimpin utama dalam parti itu sebenarnya adalah kaum Hindu Tamil yang handal penggunaannya dalam bahasa Tamil. Pada hakikatnya, keterselamatan MIC pada hari ini amat berkait dengan penegasan bahasa, budaya dan tradisi kaum Tamil yang telah membelainya pada beberapa segmen populasi kaum Tamil. Oleh itu, tumpuan parti itu pada isu-isu dan harapan kaum Tamil di mana MIC akan melindungi budaya dan bahasa kaum Tamil telah mendapat kesetiaan kepada parti itu daripada ahli-ahli biasa (Ramasamy, 2001b).

DI SEBALIK KEPIMPINAN

Keberkesanan dan ketakberkesanan MIC sebagai pegawai rasmi masyarakat kaum India mesti melewati gaya dan mekanisme kepimpinan, metodologi perwakilan dan hubungan antara pemimpin-pemimpin dan mereka yang berada dalam gabungan mentadbir yang lebih besar. Walaupun sebagai perwakilan institusi rasmi, ketakberkesanan parti itu harus dikaitkan kepada kekurangan kuasa atau kegagalannya diambil serius dalam proses politik bagi gabungan mentadbir yang lebih besar. MIC pada asasnya dalam keadaan kalah dengan dikenali sebagai perwakilan minoriti yang kurang berupaya dalam negara yang tertabur di seluruh negara dan kekurangan walaupun satu majoriti dalam sebarang negeri dan kawasan undian parlimen. Diberi kecacatan struktur ini, selain daripada menerima kemerosotan yang tidak dapat dielakkan, parti itu belum mempunyai suatu konsep alternatif politik atau perwakilan yang akan menggiatkan semula kedudukan minoriti dalam negara ini.

Sebenarnya terdapat suatu peluang keemasan bagi parti itu memperbaiki kedudukannya dalam BN sebelum dan selepas pilihan raya umum sebelum ini di mana hampir 80 peratus kaum India mengundi bagi gabungan mentadbir itu. Mungkin ini merupakan pilihan raya umum pertama yang MIC boleh dengan bangganya mendakwa bahawa tanpanya kaum India, UMNO tidak akan kembali berkuasa.²⁰ Sedangkan boleh difahami bahawa MIC tidak mahu mengeksploitasi keadaan UMNO yang mudah tersinggung, sekurang-kurangnya MIC boleh keluar dengan suatu rumusan untuk memperbaiki kedudukan tawar-menawarnya. MIC mungkin mendapat perkhidmatan beberapa intelektual dan profesional untuk menghasilkan rancangan-rancangan yang menggiatkan semula parti itu dalam masa akan datang. Namun kepimpinan kelihatannya tidak berminat dalam mengambil kesempatan daripada kelebihan temuan baru ini, tetapi hanya berpuas untuk membiarkan keadaan seperti yang sedia ada. Adalah

jelas juga bahawa kehadiran mekanikal elit berpendidikan tidak bererti apa-apa langsung bagi parti itu dalam memperbaiki imejnya dari masa ke semasa.

Walaupun golongan kerja kaum India membentuk segmen majoriti masyarakat itu, tiada apa yang konkrit telah dilakukan untuk meringankan pelucutan sosial dan ekonomi. Selain daripada usaha niaga ekonomi yang ditajakan oleh MIC yang hanya berakhir dengan penyusutan lanjut kekayaan masyarakat itu. Beberapa inisiatif yang diterima baru-baru ini oleh parti dengan riuh rendah telah terseleweng. Biarpun beberapa perbincangan dalam parti mengenai isu-isu upah bulanan untuk pekerja peladangan, namun adalah tidak pasti sama ada pekerja-pekerja peladangan dan khususnya kaum India akan memperolehi manfaat ini. Peningkatan penggajian buruh tempatan dengan buruh asing, kos buruh yang meningkat, pengalihan modal peladangan dari Malaysia ke tempat seperti Indonesia, keengganan kerajaan mendesak untuk faedah ini dan sebagainya akan menyebabkan ia hampir tidak mungkin untuk memperkenalkan suatu struktur gaji yang tertib dalam peladangan. Lebih daripada itu, biarpun parti itu berjanji dengan idea pengenalan pemilikan rumah untuk pekerja peladangan idea itu tidak dibangunkan melalui perwakilannya pada peringkat kerajaan negeri.²¹

Parti itu kelihatan tidak menentu dalam dunia pendidikan. MIC telah gagal dengan teruk dalam memperbaiki jumlah pengambilan pelajar kaum India dalam universiti-universiti tempatan dan dalam cubaan menyakinkan kerajaan untuk memberi perwakilan yang seimbang dalam pelbagai fakulti dan jabatan.²² Sepertimana yang ditunjukkan, majoriti pelajar kaum India yang masuk ke universiti tempatan tidak lain daripada berakhir dalam fakulti sastera. Tambahan pula, selain daripada beberapa usaha kecil dalam menyatakan kedudukan kewangan pelajar, parti itu telah gagal membekalkan pelajar universiti dengan sokongan kebendaan yang berpatutan. Sistem sekolah Tamil yang diwarisi dari masa penjajahan adalah dalam keadaan sugul pada asasnya. Ketidakupayaan parti itu untuk memberi tekanan kepada kerajaan untuk menyalurkan sistem pendidikan Tamil, percabangan antara sekolah-sekolah bantuan penuh dan bantuan separa, kesukaran dalam menubuhkan sekolah baru dalam kawasan-kawasan bandar, kualiti guru yang rendah dalam sekolah-sekolah ini, ketidakupayaan kaum India lemah untuk mempertahankan sistem sekolah ini dan sebagainya telah menjejaskan keputusan pelajar-pelajar dalam sekolah-sekolah ini. Masalah pendidikan bahasa ibunda boleh dikurangkan pada tahap tertentu jikalau parti itu menerima suatu rumusan di mana bahasa Tamil diperkenalkan sebagai subjek wajib untuk kaum India pada peringkat sekolah rendah, menengah dan universiti; suatu rumusan yang akan memberi kaum India suatu keupayaan untuk bertutur dan menulis bahasa

ibunda mereka. Aduhainya, perangkap sekolah-sekolah Tamil dalam keadaan-keadaan sekarang hanya menunjukkan masa depan di mana kaum India akan datang mungkin dirampas hak asas pendidikan bahasa ibunda mereka.

Ketamakan, rasuah, nepotisme dan kepentingan diri telah merangkak ke dalam parti itu untuk tempoh masa yang lama. Orang India bersaing untuk jawatan dalam parti itu bukan kerana mereka ingin berkhidmat untuk masyarakat kaum India, tetapi lebih kepada memastikan mereka berakhir dengan jawatan parti dan pemerintahan itu untuk kemajuan sendiri. Dalam keadaan ini, perkara yang penting untuk individu-individu ini bukanlah keberanian atau komitmen mahupun tanggungjawab, tetapi nilai yang akan memperkuatkan perkembangan kerjaya mereka. Dalam konteks ini, pembangunan bentuk kesetiaan terlampau kepada pemimpin-pemimpin parti, cuba menawan hati pemimpin-pemimpin parti mengharap balasan, menerima sikap penurut (*yes-man attitude*), sikap tidak menyoal dan lain-lain telah menjadi perhatian normatif yang kuat dalam parti itu. Jurang perbezaan antara pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli biasa telah menjadi amat besar walaupun banyak seksyen ahli-ahli biasa masih mengharap parti dan pemimpin-pemimpinnya untuk mengutarakan kesusahan mereka. Pendek kata, kaum India tidak mempunyai alternatif dan tidak ada tempat pergi. Adalah menjadi suatu mimpi ngeri bagi mereka walaupun mengharapkan faedah yang minimum.

IPF DAN PPP

Dalam kerangka gabungan etnik yang sedia wujud dan tidak semestinya tanpa menjadi seorang ahli secara rasmi, terdapat parti politik yang cuba memberikan perwakilan untuk kaum India. IPF di bawah pimpinan seorang bekas timbalan presiden MIC yang terbuang, Pandithan, adalah agak aktif dalam pentas politik kaum India Malaysia. Walaupun parti itu tidak dimasukkan ke dalam bahagian BN, ia telah berkempen dengan giat untuk gabungan mentadbir dalam dua pilihan raya umum yang lalu dan banyak pilihan raya sampingan. Pandithan telah muncul sebagai pemimpin yang agak popular di golongan pekerja dalam kawasan bandar kebelakangan ini. Emotionalisme syarahan bahasa Tamil yang berapi, penggunaan drama dan pertunjukan untuk menarik hati kaum India dan lain-lain telah mendapat sokongan tertentu daripada kalangan kaum India. Harus diingati bahawa Pandithan dipecat daripada MIC kerana menyebelahi bahagian yang menentang presiden dan tanpa sebarang opsiyen untuk menyertai semula parti itu, beliau telah membentuk IPF untuk pergi bersama-sama dengan

penentang. Dalam pilihan raya umum 1990, adalah jasa parti IPF dengan kehadirannya dalam barisan pembangkang Gagasan Rakyat telah berjaya menarik sokongan majoriti kaum India. Malangnya, parti itu tidak memenangi sebarang kerusi dan ikutan daripada pilihan raya itu dan menjangkakan suatu masa depan yang suram dalam pangkat pembangkang, IPF telah berpindah ke sebelah BN.

Sebenarnya boleh didalilkan bahawa mahupun MIC tidak boleh memadani kebolehan dan usaha keras IPF dalam menggerakkan sokongan kaum India untuk BN pada hari ini. Adalah menjadi agak nyata mahupun pemimpin-pemimpin UMNO dan khasnya kepada Perdana Menteri bahawa IPF bekerja lebih keras berbanding dengan MIC semasa pilihan raya. Walaupun IPF tidak dimasukkan ke dalam BN, Pandithan telah diganjar dengan senator dan gelaran sebagai pengiktirafan perkhidmatannya kepada BN. Terdapat perbezaan ideologi antara MIC dan IPF pada dasarnya. Perbezaan itu khususnya terletak pada perbezaan personaliti antara kepimpinan masing-masing mengenai faktor-faktor sejarah tertentu. Dengan kata lain, IPF mungkin kelihatan sebagai rajin dan bersungguh-sungguh, tetapi hanya terdapat sedikit ataupun tiada beza langsung pada hakikatnya antara MIC dan IPF dalam menjuarai kepentingan masyarakat kaum India. Sungguhpun boleh difahami sebab Pandithan harus meninggalkan parti MIC, namun tujuan dan matlamat partinya adalah tidak jelas. Permintaan IPF dimasukkan ke dalam BN hanya berasaskan masyarakat kaum India memerlukan dua parti, tetapi di sebalik isu kuantitatif ini, tidak terdapat sebab-sebab yang lain.

Apa yang menanggung MIC juga menanggung IPF. IPF berfungsi dengan kesenangan relatif dalam seksyen cabangan masyarakat sivil di mana kaum India telah menjadi terlalu prihatin dengan linguistik yang sempit, kasta, personaliti, sistem naungan dan yang lain. Manakala ramai yang berpendapat bahawa IPF adalah sebuah parti golongan ahli-ahli biasa, ia adalah politik perwakilan yang membimbangkan ramai orang India dalam negara. Kedudukan terlampau merendahkan diri terhadap UMNO, pergantungan penuh pemimpinnya pada ahli politik senior UMNO, enggan menyoal kerajaan pada perkara yang menjejaskan masyarakat kaum India, bersaing dengan MIC untuk menunjukkan bahawa ia lebih setia dan taat kepada BN, keengganan kepimpinan seperti MIC untuk mengaku bahawa masalah-masalah masyarakat kaum India adalah berkait dengan sifat kerajaan sekarang dan lain-lain telah memberi parti itu gambaran yang tidak maju dalam minda ramai. Sungguhpun Pandithan telah cuba menghilangkan imej parti sebagai parti yang berasaskan kasta yang negatif itu, terdapat ramai yang terus menyimpan idea di mana tanggungannya diterbitkan daripada amalan politik berkasta. IPF mungkin popular dan

pandai dalam manipulasi simbol budaya untuk memperolehi sokongan, tetapi kedudukan yang terlampau merendahkan diri berbanding dengan UMNO menjadikannya kurang berkesan dalam menjuarai dan memberi laluan alternatif kepada kaum India untuk mendapat semula martabat dan sanjungan diri mereka.²³

PPP bukan sebuah parti etnik tetapi sebuah parti pelbagai kaum dalam BN dengan objektif yang luas. Banyak tahun sebelum ini, parti ini mendapat perhatian kebangsaan pada tahun 1950an dan 1960an memandangkan parti ini membentuk parti pembangkang yang penting dan tanpa ketakutan di bawah kepimpinan adik-beradik Seenivasgam yang bertapa di Ipoh. Akan tetapi apabila parti ini menyertai gabungan mentadbir BN yang lebih besar selepas rusuhan perkauman pada tahun 1969, sifat parti ini telah berubah. Selepas suatu siri penempuran mahkamah mengenai isu pewarisan kepimpinan, parti ini kini diketuai oleh Datuk Kaveas. Tidak seperti MIC atau IPF, PPP tidak mempunyai ramai sokongan daripada golongan rakyat biasa dan lebih-lebih lagi keanggotaannya adalah didominasi oleh kaum India biarpun tuntutan sebagai parti pelbagai kaum. Parti ini tidak mempunyai daya tarikan di kalangan kaum Melayu dan Cina. Kaum India yang menyertai parti ini adalah mereka yang meninggalkan atau mereka yang disingkir daripada MIC. Tiada sesiapa pun yang mengetahui keanggotaan sebenar parti ini sehingga hari ini biarpun pelagakan kerap kepimpinan mengenai keanggotaan yang ramai.

Parti ini amat menyerupai IPF dan adalah amat terhutang budi kepada UMNO secara am dan Perdana Menteri untuk keterselamatannya. Kekurangan keanggotaan pelbagai kaum, parti ini sukar berlagak bahawa ia mengamalkan politik pelbagai kaum. Semasa pilihan raya, parti ini cuba menerakan BN mengenai keikhlasannya menyokong calon-calon gabungan mentadbir. Parti ini tidak diperuntukkan walaupun satu kerusi dalam pilihan raya umum biarpun apa yang dilakukannya. Sudah tentunya pemimpin berasa kecewa memandangkan tidak mempunyai pilihan lain tetapi kekal bersama dengan gabungan mentadbir itu. Presiden parti ini telah dijadikan sebagai senator dan timbalan menteri hanya pada baru-baru ini dan telah ditandakan dengan banyak perayaan. Parti ini pada asasnya merupakan suatu jenaka yang tidak boleh diambil dengan serius bagi kebanyakan orang. Parti ini kekurangan keanggotaan antara tiga kaum utama khususnya di kalangan Melayu dan Cina. Kehadiran kecil ahli kaum India sukar dilayakkan sebagai perwakilannya. Satu-satu individu yang kelihatan aktif dan mendapat publisiti adalah presidennya dan parti ini kelihatan sangat kosong di sebalik ini. Tanpa keahlian dalam gabungan mentadbir itu, parti ini akan hilang apa jua identiti yang dimiliki pada masa ini.

MASYARAKAT SIVIL

Keterselamatan politik BN ataupun MIC tidak boleh didekati dari perspektif reductionist. Dengan kata lain, pengaruh hegemonik mereka adalah hasil daripada politik paksaan. Sementara paksaan sentiasa tetap ada, ini tidak dapat menerangkan sebab mengapa masih terdapat sokongan yang banyak bagi BN dan beberapa parti komponennya.²⁴ Sebagai alternatif lain, kita harus memeriksa persoalan ini dengan menimbangkan norma, nilai, bentuk fikiran dan kecenderungan sosial yang tersebar luas dalam masyarakat sivil Malaysia, suatu masyarakat sosial yang berheterogen dari suatu pandangan etnik. Sehubungan ini, masyarakat sivil akan dikenali sebagai alam masyarakat yang cuba mempertahankan sesuatu tertib sosial, politik dan ekonomi yang berpengaruh. Oleh yang demikian, sesiapa yang pernah menguasai masyarakat sivil berjaya dalam menghasilkan persetujuan daripada ramai. Perspektif ini selaras dengan perbincangan yang dikemukakan oleh Gramsci di mana masyarakat tidak banyak diperintah oleh latihan paksaan tetapi persetujuan (Femia, 1975). Persetujuan untuk tertib politik dan sosial yang berpengaruh dibentukkan dengan mengawal masyarakat sivil dan memastikan pemikiran dan tindakan masyarakat itu adalah selaras dengan harapan yang lebih besar bagi mereka yang mengawal kuasa politik.

Empat puluh tiga tahun tertib politik yang tanpa gangguan diwakili oleh gabungan mentadbir, pembahagian etnik sebagai ciri penentuan politik, gabungan dan pengabdian norma dan nilai terutamanya bersikapkan etnik, peranan agen-agen seperti sekolah, ibu bapa, media massa dan peranan kelimpahan institusi-institusi hegemonik dan yang lain telah membentuk cara orang berfikir dan bertindak di Malaysia. Pemikiran dan tindakan ini berlaku dalam kerangka politik/ideologi/falsafah yang tertentu yang telah menjadi suatu keutamaan yang ditentukan oleh keperluan tertib hegemonik Malaysia kini yang ditanggungkan oleh gabungan BN. Seksyen cabangan masyarakat sivil kaum India yang diliputi dengan perasaan norma politik konservatif dan penentang kemajuan menterjelma dalam parti sokongan seperti MIC ataupun IPF. Sokongan untuk golongan ini tidak dapat dipungut daripada tindakan setiap parti-parti ini, tetapi dari perbincangan dan aktiviti yang terlibat dengan agen-agen masyarakat sivil seperti media Tamil, organisasi budaya, organisasi agama, kumpulan masyarakat, mesyuarat tidak rasmi dan peranan yang dimainkan oleh ratusan kumpulan yang lain. Kumpulan-kumpulan ini mungkin tidak dihubungkan antara satu sama lain dan mungkin bekerja bertentangan dengan satu sama lain. Akan tetapi sifat perbincangan dan harapan ribuan individu adalah tidak berbeza pada asasnya daripada perspektif ideologi. Ibu bapa, guru-guru, kawan-kawan,

guru-guru besar, pemimpin-pemimpin masyarakat dan agama, suratkhobar, agen politik, kelab sastera, tayangan, drama dan sejumlah besar agen-agen sosial yang lain menyumbang kepada tanggungan tertib sivil konservatif. Peranan-peranan mengambil tempat di latar belakang perwakilan etnik, kerjasama antara etnik dan konflik, saluran terhad untuk perwakilan kaum India dan kekurangan alternatif politik yang lain.²⁵

Tertib sivil hegemonik yang mengekalkan bentuk politik sekarang harus dihargai. Perkembangan konsep politik alternatif didapati dalam agenda barisan pembangkang dan dalam organisasi lain telah menghakis pertimbangan politik kini yang banyak berasaskan perkauman. Terdapat pertumbuhan kesedaran di kalangan ramai bahawa bentuk politik kini diwakili dalam BN mungkin tidak berkaitan sangat dengan realiti politik Malaysia, suatu realiti yang telah tertakluk kepada banyak perubahan hasil daripada kuasa dalaman dan luaran. Ini telah dipertikaikan dalam forum-forum yang berlainan bahawa rumusan penyesuaian etnik yang dipamerkan oleh politik jenis BN mengalami beberapa masalah teori dan empirik. Rumusan itu secara teorinya adalah terlalu terhad dan mempunyai kecenderungan mengabaikan kuasa yang berkaitan selain daripada perkauman. Secara empirik pula, penegasan pada perlindungan hak-hak Melayu lebih daripada 40 tahun selepas kemerdekaan, peranan kuat UMNO menjejaskan parti-parti komponennya, rasuah dan nepotisme, pertambahan jurang antara yang kaya dengan yang miskin, pengutuban perkauman dan keagamaan menjejaskan kebolehpercayaan model etnik BN.

Model etnik berhegemonik BN mengenai perwakilan politik mungkin menjadi dominan, tetapi ia tidak memonopoli sepenuhnya pada perbincangan politik dalam negara. Perbincangan bukan hegemonik yang dikemukakan oleh organisasi dan parti politik lain telah mempersoalkan model etnik perwakilan dari pelbagai perspektif ideologi. Walau bagaimanapun, masih awal lagi untuk mengatakan bahawa model perkauman boleh digantikan dengan rumusan yang lain. Sementara perwakilan kaum India pada peringkat kerajaan rasmi dijangkakan pada perkauman dikekalkan oleh masyarakat sivil dalam negara. Perwakilan etnik mungkin memberi kaum India dengan rasa kebanggaan budaya dan linguistik, tetapi perwakilan ini mungkin tidak mengetahui masalah yang dihadapi oleh buruh kaum India dan mengalamatkan isu yang lebih besar mengenai eksploitasi ekonomi dan kelas. Perbincangan balas-hegemonik cuba mengalamatkan isu-isu dan prihatin yang telah tertinggal dalam perwakilan model etnik. Tambahan pula, isu-isu yang diketengahkan oleh perbincangan bukan-hegemonik adalah berkaitan dengan masalah dan kebimbangan yang dihadapi oleh buruh kaum India. Akan tetapi,

memandangkan perbincangan adalah di luar alam kuasa politik, aplikasinya adalah terhad.

PERWAKILAN BALAS-HEGEMONIK

Konsep perwakilan tidak boleh diturunkan kepada yang rasmi/formal sahaja kerana terdapat banyak bentuk perwakilan yang wujud. Terdapat dua jenis perbincangan dominan mengenai perwakilan, satu adalah hegemonik/etnik yang ditawarkan oleh BN dan satu lagi adalah balas-hegemonik yang ditawarkan oleh kuasa pembangkang yang terdiri daripada parti-parti politik dan organisasi-organisasi bukan kerajaan. Sedangkan perwakilan hegemonik dalam BN adalah berdasarkan unsur perkauman, bentuk perwakilan balas-hegemonik oleh kuasa pembangkang ditentukan oleh unsur demokrasi, egalitarian dan pertimbangan kelas sosial. Perwakilan balas-hegemonik oleh kuasa-kuasa pembangkang cuba memberi suatu alternatif kepada rakyat Malaysia agar perwakilan boleh diatur berasaskan pertimbangan-pertimbangan yang lebih luas selain daripada perkauman. Dalam bentuk yang lebih khususnya, politik alternatif dalam Malaysia tertumpu pada keperluan untuk membekalkan perwakilan kepada semua rakyat Malaysia, tetapi adalah berlawanan dengan idea untuk mengaturkan politik perwakilan pada asas ciri ini. Bagi organisasi-organisasi ini, perwakilan etnik adalah amat memecahbelahkan dan boleh menyebabkan perpecahan sosial dan politik.

Perwakilan balas-hegemonik yang ditawarkan oleh NGO yang aktif dalam politik adalah bukan-etnik dan bukan-agama (Saliha Hassan, 2002). NGO-NGO adalah tidak berminat untuk memberikan perwakilan seperti yang ditawarkan oleh parti-parti politik, tetapi lebih berminat dalam menyerlahkan masalah dan prihatin kumpulan-kumpulan dan kelas-kelas yang telah mengalami kesan negatif daripada pembangunan. Oleh yang demikian, jika sebahagian NGO menumpukan minat pada masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum India atau mana-mana kumpulan etnik yang lain, ia hanya menyerlahkan ketaksaksamaan sosial, ekonomi dan politik yang dihadapi oleh bahagian sosial populasi yang khusus.²⁶ Pastinya terdapat beberapa NGO berasaskan kaum India dalam negara, tetapi tumpuan mereka pada masyarakat tidak boleh ditafsirkan sebagai suatu pendekatan etnik yang eksklusif. Padahalnya, banyak NGO-NGO ini bertumpu pada isu-isu seperti perampasan kebendaan yang dihadapi oleh buruh, pinggiran politik masyarakat dan diskriminasi sosial dan ekonomi yang dihadapi. GCI (Group of Concerned Indians) merupakan suatu contoh jawatankuasa *ad hoc* yang tidak rasmi yang ditubuhkan beberapa tahun yang lalu untuk menyelaraskan usaha beberapa NGO berasaskan kaum India di kawasan

Lembah Klang. GCI menumpu perhatian kepada beberapa masalah yang dihadapi oleh masyarakat kaum India seperti kekurangan perwakilan politik yang berkesan, perampasan ekonominya, kekurangan sistem gaji yang berpatutan dalam peladangan, kekejaman polis terhadap kaum India dan masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah Tamil di dalam negara.²⁷

Walaupun NGO berasaskan kaum India menumpu perhatian pada masalah kaum India, pendekatan adalah tidak semestinya bersifat etnik. Prihatin utama adalah kepahitan buruh kaum India. Dengan kata lain, tumpuan adalah pada segmen khusus masyarakat kaum India yang dijejas oleh dasar-dasar pembangunan negara. Setakat manakah NGO-NGO ini berkesan dalam menyelesaikan masalah-masalah masyarakat kaum India? Secara keseluruhannya, NGO tidak menyukai hubungan rapat dengan kuasa dalam kerajaan. Pada hakikatnya, NGO yang aktif dalam politik sering kali dipandang sebagai orang yang disyaki dalam mata kerajaan. Memandangkan kerajaan memikirkan bahawa semua ini bukan organisasi perwakilan, mereka tidak harus ditimbang secara serius. Kebelakangan ini, cadangan yang dihantar oleh beberapa NGO untuk pembangunan umum situasi kaum India telah terkaram. Kerajaan lebih suka mengurus dengan MIC mengenai persoalan kaum India dan bukannya organisasi lain. Walaupun NGO-NGO ini mungkin berupaya untuk menyerlahkan masalah kaum India dari masa ke semasa, hanya sedikit yang boleh mereka lakukan untuk mengubah dasar-dasar kerajaan. Bukannya NGO-NGO ini tidak memberi sebarang kesan langsung, mereka masih menyumbang dalam cara lain untuk meningkatkan kesedaran umum rakyat Malaysia pada isu-isu yang luas.

Perbincangan balas-hegemonik juga ditawarkan oleh beberapa parti politik pembangkang seperti DAP (Parti Tindakan Demokrasi), Parti Keadilan dan Parti Rakyat. Akan tetapi, terdapat perbezaan yang jelas pada cara parti-parti ini mengutarakan persoalan kaum India. DAP mempunyai rekod cemerlang di antara semua parti pembangkang dalam negara telah mengemukakan prihatin mengenai kepahitan masyarakat kaum India untuk banyak tahun. Perbincangan balas-hegemonik DAP adalah dijangkakan pada idea bahawa Malaysia harus dimiliki oleh semua rakyat Malaysia. Konsep "Malaysia untuk rakyat Malaysia" telah dianjurkan oleh parti tersebut sebagai suatu alternatif kepada idea BN yang memberi penegasan khas pada hak-hak istimewa Melayu atau Bumiputera. Sehubungan ini, konsep Malaysia untuk rakyat Malaysia telah dinyatakan jelas oleh DAP untuk menganjurkan hak-hak dan peluang yang saksama di kalangan rakyat Malaysia tanpa mengira etnik atau agama asalannya. DAP dengan memberi keutamaan kepada calon-calon kaum India tertentu yang berbakat telah sentiasa memastikan bahagian masyarakat kaum In-

dia yang bersungut akan menyokong parti itu dan perjuangannya. Suatu segmen yang besar daripada masyarakat kaum India telah mengundi untuk parti ini dalam pilihan raya umum pada tahun 1990.

Konsep Malaysia untuk rakyat Malaysia DAP mungkin agak berlainan dengan politik pelbagai kaum bagi Parti Keadilan atau Parti Rakyat. Sedangkan pentas politik DAP adalah menarik populasi bukan Melayu, politik pelbagai kaum yang ditunjukkan oleh Parti Keadilan dan Parti Rakyat kelihatan agak mengelirukan kaum Melayu. Beberapa bahagian juga berpendapat bahawa kedua-dua parti ini berkecenderungan menerima dominans yang tidak dapat dielakkan dalam banyak alam biarpun pegangan progresif mereka pada pelbagai jenis isu. Walau bagaimanapun, parti-parti ini adalah tidak berpasangan dengan kerajaan dan khususnya UMNO pada persoalan hegemoni Melayu. Kekurangan kebolehpercayaan pemimpin-pemimpin kaum India, terlalu sibuk dengan isu-isu Melayu, kesamaran yang mengelilingi konsep dalam pelbagai kaum dan yang lain telah menafikan sokong kaum India yang ramai. Akan tetapi, parti-parti ini sentiasa berdiri bersama untuk menafikan kesahan politik pada gabungan mentadbir. Sungguhpun DAP adalah di luar gabungan pembangkang Barisan Alternatif, mereka bekerjasama pada beberapa isu dari masa ke semasa. Oleh yang demikian, adalah sukar bagi kaum India untuk menyokong gabungan pembangkang jika tanpa DAP dalam gabungan pembangkang dan di samping rasa takut yang ditunjukkan oleh PAS (Parti Islam se Malaysia) kepada bukan Muslim secara umumnya. Apa-apa sahaja perbezaan antara anggota-anggota pembangkang, perbincangan balas-hegemonik adalah penting untuk kaum India dari segi cara pemikiran mengenai alternatif-alternatif politik. Sungguhpun semua alternatif politik ini adalah bermasalah dari pelbagai sudut, namun mereka cuba menolak model etnik BN sebagai bentuk perwakilan politik tunggal.

Konflik antara kuasa hegemonik dan balas-hegemonik perwakilan adalah penting dari segi demokrasi. Konflik ini memberi suatu peluang kepada kaum India dan kumpulan-kumpulan terpinggir yang lain memeriksa dan menganalisis bentuk perwakilan yang terbaik. Pada asasnya, terdapat tiga jenis perwakilan; satu yang diberi oleh kerajaan yang berkuasa, yang lain diberi oleh anggota masyarakat sivil-NGO dan ketiganya diberi oleh parti-parti pembangkang. Sedangkan rumusan perwakilan kerajaan adalah bersifat etnik, NGO cuba memberi perwakilan kepada anggota-anggota masyarakat yang menjadi mangsa proses pembangunan dan parti-parti politik pembangkang memberi perwakilan berasaskan beberapa ideologi selain daripada etnik. Dari sudut pandangan yang lebar, kita boleh bercakap tentang pelbagai jenis perwakilan politik, walaupun perwakilan yang ditawarkan kepada kaum India oleh NGO dan parti-parti politik

pembangkang mungkin bersifat simbolik. Dengan kata lain, perwakilan-perwakilan ini mungkin tidak menyumbang kepada kemajuan sosio-ekonomi masyarakat kaum India.

KESIMPULAN

Adalah jelas bahawa pentadbiran politik Malaysia adalah berasaskan peranan dominan/hegemonik UMNO dan tidak banyak berasaskan tawar-menawar dan berkompromi antara etnik di antara parti-parti komponen dalam BN. Peranan inilah yang dijangkakan pada keperluan untuk menyatakan dan menjamin kepentingan kaum Melayu yang telah membenarkan UMNO mengandai kedudukannya yang sangat dominan dan tinggi berbanding dengan parti-parti komponen BN yang lain. Sistem politik yang ada dalam Malaysia bukan merupakan suatu sistem politik permuafakatan, tetapi merupakan politik yang berdasarkan model etnik berhegemonik. Perwakilan etnik mungkin mempunyai kegunaannya dari segi teori, tetapi dalam kes Malaysia, perwakilan etnik masyarakat minoriti seperti kaum India mungkin menghadapi masalah. Oleh yang demikian, memang jelas bahawa perwakilan etnik dalam kerajaan bagi kes kaum India menghadapi dua masalah utama. Pertamanya, perwakilan politik yang ditawarkan kepada MIC dalam gabungan etnik BN adalah kurang penting kepada UMNO dan yang kedua, MIC memang kekurangan kebolehpercayaan kepimpinan dan jentera cekap untuk menjamin kepentingan kaum India dalam negara. Bukannya tiada perbincangan alternatif pada perwakilan politik. Akan tetapi, pilihan-pilihan ini adalah diberi oleh mereka yang berada dalam barisan pembangkang, iaitu beberapa NGO dan parti-parti politik pembangkang seperti DAP dan Parti Keadilan. Sementara perbincangan alternatif adalah penting dari segi mencabar pilihan yang diberi oleh model etnik BN, namun perbincangan-perbincangan ini hanya berfungsi di luar parameter kuasa negeri. Ketidakupayaan kuasa pembangkang untuk meruntuhkan hegemoni masyarakat sivil rumusan etnik BN yang telah mencegah mereka daripada mengandaikan peranan utama dalam masyarakat.

NOTA AKHIR

¹Pada dasarnya, model kawalan hubungan etnik mengatakan mengenai pengaruh suatu parti pada yang lain sedangkan model permuafakatan menegaskan hubungan simetri antara parti etnik dalam suatu gabungan mentadbir.

²Terdapat beberapa sarjana yang masih mengekalkan idea bahawa sistem politik Malaysia adalah agak bersifat permuafakatan.

³Kerja-kerja ini membekalkan butiran penting tentang sifat semulajadi pendatang dan penempatan kaum India di Tanah Melayu. Rajeswari juga bercakap tentang perwakilan politik kaum India sebelum dan selepas kemerdekaan politik.

⁴Orang India mungkin tidak membentuk majoriti dalam sebarang kawasan undi pilihan raya, tetapi kehadiran mereka yang ramai adalah suatu faktor penting dalam menentukan kesudahan pilihanraya. Peruntukan kerusi kepada MIC mungkin berdasar pertimbangan ini tanpa melupai hubungan lama dengan parti-parti komponen lain seperti MCA dan UMNO.

⁵Adalah cara pencapaian di mana kaum Cina dan kaum India dikelolakan, diupah, dikekalkan dan diganjarkan dalam ekonomi penjajahan yang mempengaruhi perkembangan kebendaan mereka.

⁶Isu penglibatan India di dalam jenayah itu telah dicetus secara tidak seimbang. Keributan baru-baru ini mengenai masalah sosial India kelihatan diberangsangkan secara politik untuk membolehkan MIC memodalkan isu ini untuk memperbaiki imejnya.

⁷Kenaikan dalam ekuiti ini mungkin tertumpu pada usaha beberapa usahawan kaum India terkenal seperti Ananda Krishnan, K. Ishwaran, Mohan Swamy dan yang lain.

⁸Rusuhan kaum tahun 1969 memberi peluang kepada UMNO untuk mengubahkannya dengan parti-parti politik bukan Melayu dalam gabungan mentadbir itu. Dominans politik bagi UMNO adalah perlu untuk mendesak dasar-dasar pro-Melayu secara agresif dan berkesan.

⁹Prinsip tindakan mengiak dan idea ketuanan Melayu telah digunakan secara berlainan sekitar tiga dekad yang lalu untuk menyokong dasar-dasar pro-Melayu UMNO.

¹⁰Pilihan raya tempatan diharamkan semasa pemberontakan komunis yang genting dan sehingga kini, anggota majlis tempatan adalah dilantik oleh kerajaan negeri. Orang yang dilantik biasanya merupakan anggota gabungan mentadbir dan MIC sentiasa diperuntukkan suatu kuota.

¹¹Kekurangan demokrasi dalaman dalam MIC bukanlah suatu fenomena yang unik. Parti-parti komponen lain mempunyai masalah yang serupa dan ini sememangnya menjadi persoalan tahap

¹²Parti ini tidak berupaya untuk membangun dan mempertahankan kepimpinan pada peringkat-peringkat yang lebih rendah memandangkan kawalan yang berpengaruh dari atasan. Maklum balas dari bawahan adalah tidak dialu-alukan. Hasil akhirnya adalah tawaran hati dan mengakur kepada penetapan parti.

¹³Pengaruh UMNO yang nyata/terselindung yang menjadi sebab utama parti-parti komponen tidak berupaya untuk melaksanakan fungsi mereka secara bebas.

¹⁴Analisis ini adalah berasaskan pemerhatian saya pada perkembangan dan inisiatif parti dalam masa 20 tahun yang lalu.

¹⁵Penyesuaian rapat MIC dengan kerajaan telah mengelakkan masyarakat kaum India daripada menjelajah merit sistem sekolah khas ini. Memandangkan kerajaan mendapat maklum balas dari MIC, maka tidak mempunyai banyak perbincangan diadakan antara parti itu dengan masyarakat kaum India.

¹⁶ Politik wang di Malaysia kelihatan tersebar luas sekitar dua dekad yang lalu dan MIC mempunyai bahagiannya dalam politik wang.

¹⁷ Adalah tidak masuk akal untuk bercakap mengenai penentangan dalam MIC. Sungguhpun penentangan wujud, ia adalah bukan dalam bentuk suara atau boleh kelihatan untuk menjadi perhatian kepimpinan sekarang.

¹⁸Hanya untuk menunjukkan suatu tumpuan sepenuh jiwa raga pada MIC tidak boleh menjelaskan keberkaitannya ataupun sebaliknya. Sifat masyarakat sivil kaum India yang mempertahankan amalan politik parti itu harus diambil kira.

¹⁹Pengasingan kaum India dari alam ekonomi adalah tajuk yang banyak dipertikaikan. Kaum India mendapati sukar untuk memperolehi kerja yang baik, lesen, kontrak dan yang lain pada hari ini disebabkan penguasaan politik etnik yang menyokong kaum Melayu

²⁰Calon MIC biasa memenangi pilihan raya berdasarkan sokongan daripada pengundi Melayu untuk jangka masa yang lama. Akan tetapi, hasil daripada perpecahan undian kaum Melayu dalam pilihan raya tahun 1999, calon-calon UMNO terpaksa bergantung kepada undi-undi kaum India dan Cina.

²¹Daripada jumlah 1700 peladangan dalam negara, hanya sekitar 50 telah melaksanakan skim pemilikan rumah untuk pekerja. MIC tidak mempunyai kuasa untuk mendesak pelaksanaan skim itu dengan cepat. Laporan terbaru Ramasamy dan Anantha Raman (1999) memberi butiran mengapa skim ini tidak dilaksanakan seperti yang dijangkakan.

²²Parti ini kelihatan beroperasi dengan andaian bahawa tanpa suatu kuota etnik, jumlah pengambilan pelajar kaum India ke dalam universiti tempatan akan terjejas. Seperti yang ditunjukkan oleh beberapa kajian, jumlah pengambilan pelajar kaum India ke dalam universiti terjejas bukan atas sebab ketidakhadiran sistem kuota tetapi disebabkan oleh dasar-dasar pro-Melayu kerajaan.

²³Kepopularan IPF mungkin sedang merosot. Dengan kebimbangan tidak dimasukkan ke dalam gabungan BN, parti ini enggan menyertai pelbagai perbincangan mengenai masa depan masyarakat kaum India.

²⁴Pendapat Gramsci bahawa sistem politik berhegemonik adalah banyak bergantung kepada kata sepakat masyarakat yang amat berkaitan dengan pengalaman BN di Malaysia, lihat Femia (1975).

²⁵Tanpa memahami sifat masyarakat sivil bahagian cabang kaum India, memang akan menjadi sukar untuk memahami sebab mengapa anggota-anggota menyokong pertubuhan politik yang konservatif.

²⁶Harus diingati terdapat beratus-ratus NGO di negara ini dan bukan semuanya aktif secara politik. Meskipun NGO yang aktif dan berorientasikan politik adalah kritis kerajaan, terdapat juga NGO yang melengkapkan aktiviti-aktiviti kerajaan. Pembincangan saya mengenai NGO di sini adalah merujuk kepada mereka yang aktif dan tidak bersetuju dengan kerajaan pada banyak isu.

²⁷NGO-NGO seperti Group of Concerned Indians (GCI) adalah terbentuk daripada beberapa organisasi dan persatuan yang berhubungkait dengan kaum India. Organisasi-organisasi ini biarpun berasaskan kaum India tidak mengutarakan persoalan kaum India dari sudut etnik. Tumpuan mereka adalah lebih pada memastikan masyarakat kaum India tidak dirampas hak demokrasinya di negara ini.

RUJUKAN

- Arasaratnam, S. 1979. *Indians in Malaysia and Singapore*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Crouch, H. 1996. *Government and society in Malaysia*. Ithaca: Cornell University Press.
- De Silva, S. B.D. 1982. *The political economy of underdevelopment*. London: Routledge & Keagan Paul.
- Femia, J. 1975. "Hegemony and Consciousness in the thought of Antonio Gramsci". *Political Studies*. Vol. XXIII, No. 1. 29-48.
- Jesudason, J. 1989. *Ethnicity and the economy: The state, Chinese business and multinationals in Malaysia*. Singapore: Oxford University Press.
- Lijphart, Arend. 1968. *The politics of accommodation: Pluralism and democracy in the Netherlands*. Berkeley: University of California Press.
- Lustick, I. 1979. "Stability in Deeply Divided Societies: Consociationalism versus Control", *World Politics*, Vol. XXXI, No. 3, April, 325-344.
- Rajeswary, A. 1981. *The Indian minority and political change in Malaya 1945-195*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Ramasamy, P. 1994. *Plantation labour, unions, capital, and the state in Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Ramasamy, P. and Anantha Raman, G. 1999. *Estate house ownership scheme: A case study for four estates in Selangor*. Unpublished manuscript.
- Ramasamy, P. 2001a. "A Mockery—Monthly Pay Deal for Estate Workers", *Malaysiakini*. Friday March 23.

- Ramasamy, P. 2001b. "Politics of Indian Representation in Malaysia", *Economic and political Weekly*, Vol. XXXVI, No. 45, November 10, 4312-4318.
- Ramasamy, P. 2002. "Social Fragmentation in Indian Community as Discrimination Continues". *Malaysiakini*. Wednesday March 20th.
- Saliha Hassan, 2002. "Political Non-Governmental Organizations: Ideals and Realities", in Loh Kok Wah and Khoo Boo Teik, eds, *Democracy in Malaysia: Discourses and Practices*. Curzon. 198-215.
- Sandhu, K. S. 1969. *Indians in Malaya: Some aspects of their immigration and settlement*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Selvakumaran, R. 1994. *Indian plantation labour in Malaysia*. Kuala Lumpur: S. Abdul Majid & Co.